

3755/1  
Perdagangan  
Kertas 1  
Ogos  
2010  
1 1/4 jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

*Disediakan oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**


**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*  
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Pernyataan manakah yang menerangkan keperluan manusia?
  - A Semua manusia mempunyai keperluan asas yang sama.
  - B Diperlukan untuk meninggikan status kehidupan.
  - C Keperluan manusia adalah tidak terhad.
  - D Keperluan manusia perlu dipenuhi untuk keselesaan hidup.
  
2. Pernyataan manakah yang benar tentang kehendak.
  - A Encik Mohd membeli sebuah rumah untuk tinggal bersama isterinya
  - B Puan Maisarah pergi ke klinik desa untuk mendapatkan rawatan
  - C Pak Ishak sembahyang di masjid setiap Jumaat
  - D Encik Roslan membeli sebuah kereta Mercedes
  
3. Gambar 1 menunjukkan Pak Yusof sedang menoreh getah di ladang getahnya.



Gambar 1

Berdasarkan gambar 1, apakah jenis pengkhususan yang terlibat ?

- A Pengkhususan kawasan dan proses
  - B Pengkhususan proses dan profesion
  - C Pengkhususan kawasan dan profesion
  - D Pengkhususan proses dan antarabangsa
4. Pilih padanan yang betul.

	Pengeluaran	Perdagangan
A	Aktiviti menghasilkan barang	Aktiviti mengagihkan barang
B	Mendapat keuntungan	Memenuhi keperluan
C	Cabang kepada perdagangan	Cabang kepada pengeluaran
D	Melibatkan pengeluaran langsung dan tak langsung	Melibatkan perusahaan dan khidmat langsung

5. Antara berikut yang manakah aktiviti perdagangan?

- I Perniagaan
- II Pengeluaran
- III Faktor pengeluaran
- IV Bantuan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Antara berikut situasi manakah menunjukkan penggunaan bantuan perniagaan?

- I Encik Chong membeli insurans liabiliti awam untuk perniagaannya
- II Puan Asmieda mengusahakan kedai jahit
- III Encik Naim menguruskan agensi pelancongan
- IV Encik Afiq menyimpan barang dalam gudang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi peruncit.

Encik Ahmad menghantar barang yang dibeli oleh pelanggannya ke rumah mereka

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah menerangkan fungsi peruncit ?


- A. Memberikan kemudahan kredit kepada pelanggan
- B. Memberikan khidmat nasihat
- C. Melaksanakan layanan peribadi
- D. Menjalankan khidmat selepas jualan

8. Antara berikut manakah pernyataan yang benar tentang perniagaan dalam negeri?

- I Encik Fuad membuka sebuah gerai bersebelahan stesen LRT Kelana Jaya
- II Doktor Klose seorang pakar perubatan yang dibawa masuk dari Jerman
- III Puan Maimun seorang pemborong pinggan mangkuk di Kemaman
- IV Buah laici dibawa masuk dari negara China

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

9. Gambar 2 menunjukkan sejenis barangan



Gambar 2

Saluran agihan yang manakah sesuai bagi barangan di atas?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna  
 B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna  
 C Pengeluar → Pemborong → Pengguna  
 D Pengeluar → Peruncit → Pengguna

10. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri perniagaan francais?

- I Menggunakan jenama dan logo firma induk.  
 II Modal dibekalkan oleh firma induk.  
 III Promosi dilakukan oleh firma induk.  
 IV Francaisi perlu membayar royalti kepada firma induk.

- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

11.

- Harga barang lebih murah
- Tidak menyediakan pengangkutan
- Jualan secara tunai

Apakah pemborong tersebut?

- A Pemborong Jober Para  
 B Pemborong Pesanan Berwakil  
 C Pemborong Bayar dan Bawa  
 D Pemborong Am

12. Kedai Elektrik Sinar Banar telah menerima sebut harga daripada seorang pemborong. Antara maklumat yang terkandung di dalamnya adalah seperti berikut:

- Mesin Basuh Ganutop : RM1 800
- Diskaun niaga: 15 %
- Syarat : 10% 7 hari; 5% 14 hari

Pengurus kedai itu mengambil keputusan membeli dua unit mesin basuh dan menjelaskan bayarannya lima hari kemudian.

Berapakah yang perlu dibayarnya?

- A RM1 377
  - B RM2 754
  - C RM3 060
  - D RM3 240
13. Berikut adalah butir-butir pembelian dan pinjaman kereta Encik Daud

- Harga kereta RM50 000
- Bayaran pendahuluan RM5 000
- Amaun pinjaman RM45 000
- Tempoh pinjaman 8 tahun
- Kadar faedah setahun 4%

Hitungkan amaun ansuran bulanan untuk menjelaskan pinjaman kereta itu.

- A RM468.75
  - B RM483.75
  - C RM618.75
  - D RM687.50
14. Encik Azman seorang pengeksport. Beliau telah menerima inden daripada seorang pengimport. Apakah tatacara yang perlu dipatuhi oleh Encik Azman?
- I Memuatkan barang ke dalam kapal
  - II Menyediakan dokumen berkenaan
  - III Menuntut bayaran daripada pengimport
  - IV Menempah ruangan dalam kapal
- A II, I, IV dan III
  - B III, IV, II dan I
  - C IV, II, I dan III
  - D IV, III, I dan II

15. Apakah fungsi dokumen bil muatan dalam perdagangan antarabangsa?
- A Kontrak mencarter kapal
  - B Dokumen hak milik barang
  - C Kebenaran mengeksport barang keluar negara
  - D Mengarahkan pengeksport menghantar barang ke pelabuhan
16. Antara yang berikut, yang manakah halangan yang dihadapi oleh pengeksport dalam perniagaan antarabangsa?
- I Kuota
  - II Embargo
  - III Duti Kastam
  - IV Subsidi eksport
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
17. Berikut adalah maklumat tentang program yang membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- Pembekalan komponen secara vendor
- Membantu industri berat mendapatkan komponen secara berterusan

Program tersebut dikenali sebagai

- A Rantaian industri
  - B Pembangunan pemasaran
  - C Pembangunan infrastruktur
  - D Penyelidikan dan pembangunan
18. Antara yang berikut manakah kelebihan pengaturan Kontrak Khas kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
- I Jaminan pasaran untuk keluaran yang dikilangkan
  - II Modal pusingan dapat diperolehi dengan banyak
  - III Mempunyai lebih banyak masa untuk menyiapkan output
  - IV Menerima bantuan dalam bentuk modal, mesin dan peralatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

19. Encik Zain seorang pengarah sebuah syarikat sendirian berhad telah menolak cadangan untuk menukarkan milikan syarikat tersebut kepada syarikat awam berhad. Ini adalah kerana
- A Pemegang syer syarikat awam berhad menanggung liabiliti terhad
  - B Syarikat awam berhad perlu membayar cukai syarikat sebanyak 23%
  - C Laporan kewangan syarikat awam berhad perlu dimaklumkan kepada orang ramai
  - D Kewujudan syarikat awam berhad adalah berkekalan

20.

Koperasi Usaha Jaya Berhad telah ditubuhkan pada 1 Januari 2009 dengan modal sebanyak RM300 000. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, koperasi itu telah mendapat lebih sebanyak RM 90 000. Jumlah jualan kepada ahli pada tahun itu ialah RM900 000.

Hitungkan kadar atas langganan koperasi itu

- A RM 0.50 setiap seringgit
  - B RM 0.30 setiap seringgit
  - C RM 0.10 setiap seringgit
  - D RM 0.05 setiap seringgit
21. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan syer biasa?
- A Kadar dividen tinggi jika syarikat memperolehi untung yang tinggi
  - B Kadar dividen telah ditetapkan semasa syer diterbitkan
  - C Pemegang dibayar dividen terlebih dahulu daripada syer keutamaan
  - D Pemegang syer biasa tidak berhak mengundi untuk memilih Ahli Lembaga Pengarah
22. Di antara berikut faktor yang manakah yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat sesuatu pelaburan?
- I Aktiviti spekulator
  - II Situasi politik
  - III Pulangan atas modal
  - IV Risiko dalam pelaburan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23. Pada 1 Mac 2009, Encik Fadli membeli sebuah rumah dengan harga RM200 000. Dia menyewakan rumah itu dengan harga RM800 sebulan mulai 1 Ogos 2009 hingga 30 Mei 2010, kemudian dia menjual rumah itu dengan harga RM250 000.  
Hitungkan jumlah pulangan modal yang diperolehi atas pelaburan itu
- A RM 800
  - B RM 8 000
  - C RM 50 000
  - D RM 58 000
24. Konsep Ai-Musyarakah ialah
- A pelanggan menjadi pengusaha dan bank menyumbangkan modal.
  - B pelanggan menyumbangkan modal dan bank menjadi pengusaha.
  - C pelanggan dan bank bersama-sama menyumbangkan modal.
  - D pelanggan dan bank berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah modal yang disumbangkan
25. Musa mempunyai baki wang sebanyak RM1500 dalam akaun semasanya. Beliau mendapat overdraf sebanyak RM6 000 daripada bank. Beliau mengeluarkan sekeping cek bernilai RM3 000.  
Jumlah yang akan dikenakan faedah ialah
- A RM1 500.
  - B RM3 000.
  - C RM4 500.
  - D RM6 000.
26. Apakah faedah pefaktoran kepada peniaga?
- I Peniaga akan mendapat tunai segera
  - II Dapat mengelakkan masalah hutang lapuk
  - III Membolehkan peniaga menjual secara kredit
  - IV Tidak perlu menyimpan stok yang banyak
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
27. Manakah pasangan yang tepat berkaitan dengan konsep insurans?
- A Insured - Syarikat yang menawarkan insurans
  - B Insurer - Pihak yang menyertai insurans
  - C Premium - Bayaran oleh insurer kerana membeli insurans
  - D Ganti rugi - Bayaran pampasan kepada insured apabila berlaku risiko yang diinsuranskan.



28. Menurut skim insurans nyawa konvensional, insured akan dibayar sejumlah pampasan yang besar walaupun premium yang telah disumbangkan adalah sedikit. Situasi tersebut tidak dibenarkan dalam plan takaful kerana melibatkan unsur
- A Al-maisir
  - B Al-gharar
  - C Al-riba
  - D Al-wadiah

29. Pernyataan di bawah berkaitan dengan pengangkutan

Encik Nazim seorang pengeksport bunga segar menggunakan perkhidmatan kapal terbang untuk menghantar 300 dozen bunga matahari dari Malaysia ke Jepun.

Pernyataan di atas adalah benar kerana

- A kapal terbang lebih selamat dari segi risiko kecurian
  - B bunga matahari adalah barang yang mudah rosak
  - C kapal terbang sesuai mengangkut barang pukal
  - D bunga matahari adalah barang yang bernilai tinggi
30. Gambar 3 menunjukkan sejenis pengangkutan.



Gambar 3

Apakah kelebihan pengangkutan di atas?

- A Ruang muatan yang luas
- B Serahan pintu ke pintu
- C Kerja pemunggaan yang banyak
- D Perjalanan terikat dengan jadual

31. Tujuan pelaksanaan sistem Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR) ialah

- I kos pengendalian kargo dapat dikurangkan
  - II menambahkan keuntungan daripada pengendalian kargo
  - III meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa
  - IV membuat pemeriksaan terperinci ke atas isi kontena di negara perantaraan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C I dan IV
  - D III dan IV

32. Gambar 4 menunjukkan sejenis keluaran



Gambar 4

Bagaimanakah sistem pengangkutan dapat membantu meluaskan pasaran keluaran di atas?

- I Mengelakkan keadaan lebihan dan kekurangan
  - II Menggalakkan kegiatan import
  - III Memperluas pasaran ke merata-rata tempat
  - IV Mengurangkan pembaziran dan kerugian
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

33. Antara yang berikut, pernyataan manakah benar mengenai Wang Pos Malaysia?

- I Nilai minimum untuk satu kiriman wang pos ialah RM1
  - II Pengirim tidak perlu mengisi borong ketika membeli wang pos
  - III Wang pos tidak dijual mengikut nilai tetap dan nilai maksimum wang pos RM50
  - IV Tempoh laku wang pos ialah 3 bulan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV

34. Maklumat berikut menunjukkan sejenis perkhidmatan komunikasi.

- Perkhidmatan ini sesuai digunakan oleh dua pihak yang berada di tempat yang berlainan untuk berinteraksi secara audiovisual.
- Perkhidmatan ini semakin banyak digunakan dalam bidang pendidikan tinggi.

Perkhidmatan komunikasi yang dimaksudkan di atas ialah

- A Datel
- B Videoteks
- C MAYPAC
- D Video Conferencing

35. Maklumat yang berikut merujuk kepada tiga jenis perniagaan.

- Pasar raya
- Kedai Sejaras
- Gedung Aneka jabatan


Perniagaan di atas menyimpan stok mereka di dalam

- A gudang peruncit
- B gudang pemborong
- C gudang pengilang
- D gudang kerajaan

36. Antara yang berikut, yang manakah bukan ciri-ciri gudang yang baik?

- A sistem rekod yang lengkap dan pengurusan yang cekap.
- B ruang gudang yang luas dan perhiasan yang cantik.
- C terletak di tempat yang strategik
- D mengutamakan faktor keselamatan dan dilindungi oleh polisi insurans.

37. Rajah di bawah berkaitan dengan jenis-jenis iklan.



Apakah X?

- A Iklan am  
 B Iklan memujuk  
 C Iklan kolektif  
 D Iklan penyiaran
38. Manakah yang berikut, bukan kebaikan pengiklanan kepada peniaga?  
 A Meningkatkan jualan barang  
 B Menggalakkan pengeluaran secara besar-besaran  
 C Mewujudkan golongan pengguna yang setia kepada jenama  
 D Menawarkan harga yang lebih murah
39. Antara berikut pernyataan yang manakah paling sesuai menerangkan konsep konsumerisme?  
 A Pergerakan yang membela dan melindungi kebajikan pengguna.  
 B Usaha untuk membela dan melindungi kebajikan pengguna.  
 C Kementerian yang menjaga dan melindungi kebajikan pengguna  
 D Pertubuhan bagi menegakkan keadilan dan kebebasan individu.
40. Antara berikut, agensi manakah yang boleh membantu pengguna membuat tuntutan gantirugi?  
 A Majlis Pengguna  
 B Persatuan Pengguna  
 C Kementerian Kesihatan  
 D Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1/20/2020